



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGARUH FAKTOR PERSONALITI TERHADAP PENYERTAAN
POLITIK BELIA DI SELANGOR, MALAYSIA***

ALIA SHUHADA BINTI MARJUNI

FEM 2018 15



**PENGARUH FAKTOR PERSONALITI TERHADAP
PENYERTAAN POLITIK BELIA DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ALIA SHUHADA BINTI MARJUNI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Disember 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar-gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan boleh dibuat daripada mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH FAKTOR PERSONALITI TERHADAP PENYERTAAN
POLITIK BELIA DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ALIA SHUHADA BINTI MARJUNI

Disember 2017

Pengerusi: Zatul Himmah binti Adnan, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Wujudnya ketidakseragaman pendapat berkenaan penyertaan politik belia di Malaysia dan di Selangor. Ada pengkaji yang melihat belia ini aktif melibatkan diri dalam politik tetapi terdapat juga pengkaji yang melihat belia ini semakin tidak berminat dengan politik. Oleh itu timbulnya tanda tanya sama ada wujudnya pengaruh tertentu dalam menentukan kecenderungan penyertaan belia dalam politik. Beberapa kajian di luar negara membuktikan bahawa faktor personaliti mampu mempengaruhi penyertaan politik individu. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui sama ada penyertaan politik belia di Selangor dipengaruhi oleh faktor personaliti. Objektif kajian ini ialah untuk; (i) mengenal pasti tahap faktor personaliti dan tahap penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor, (ii) mengenal pasti hubungan antara faktor personaliti dan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor, (iii) mengenal pasti faktor personaliti yang paling dominan dalam menerangkan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor. Data dikumpulkan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Pemilihan responden pula adalah berdasarkan persampelan berstrata. Responden kajian ini adalah seramai 398 orang responden belia yang berusia 24-40 tahun. Kajian ini meliputi empat buah daerah di Selangor iaitu Gombak, Klang, Petaling dan Hulu Langat yang dipilih berdasarkan kepadatan belia yang tinggi. Kajian ini menggunakan empat faktor personaliti daripada Model Lima Faktor iaitu sifat berhati-hati, ekstrovert, mudah bersetuju dan kestabilan emosi yang terdiri daripada 48 item manakala penyertaan politik mengandungi 16 item. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi statistik. Hasil kajian menunjukkan tahap faktor personaliti ekstrovert, mudah bersetuju dan kestabilan emosi adalah sederhana manakala tahap faktor personaliti sifat berhati-hati adalah tinggi. Manakala, tahap penyertaan politik secara formal, tidak formal dan keseluruhan dalam kalangan belia di Selangor adalah rendah. Kajian juga mendapati tiada hubungan yang signifikan antara faktor personaliti dan penyertaan politik

formal dalam kalangan belia di Selangor. Bagi penyertaan politik tidak formal, kajian mendapati tiada hubungan yang signifikan antara faktor personaliti kestabilan emosi dan penyertaan politik tidak formal. Walau bagaimanapun, kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara faktor personaliti sifat berhati-hati, ekstrovert, mudah bersetuju dan penyertaan politik tidak formal dalam kalangan belia di Selangor. Bagi penyertaan politik keseluruhan pula, hasil kajian menunjukkan hanya faktor personaliti sifat berhati-hati mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyertaan politik secara keseluruhan dalam kalangan belia di Selangor. Hasil kajian bagi objektif ketiga mendapati personaliti sifat berhati-hati merupakan personaliti yang paling dominan dalam menerangkan penyertaan politik tidak formal dan penyertaan politik keseluruhan. Oleh itu, kajian ini membuktikan faktor personaliti mampu menerangkan penyertaan politik belia di Selangor. Walaupun belia di Selangor dilihat cenderung melibatkan diri dalam ruang politik yang lebih luas, namun tahap penyertaan politik dalam kalangan belia masih lagi rendah. Oleh itu, parti politik dan badan bukan kerajaan perlu memberi peluang penyertaan dalam aktiviti politik yang lebih luas kepada belia di Selangor. Ini dapat meningkatkan keupayaan dan penyertaan belia dalam aktiviti politik serta mengubah tanggapan buruk mereka berkenaan politik.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

INFLUENCE OF PERSONALITY FACTOR TOWARDS POLITICAL PARTICIPATION OF YOUTH IN SELANGOR, MALAYSIA

By

ALIA SHUHADA BINTI MARJUNI

December 2017

Chairman: Zatul Himmah binti Adnan, PhD

Faculty: Human Ecology

There is an inconsistency in opinion regarding youth political participation in Malaysia and Selangor. There are several researchers who observe the youth are actively involving themselves in politics and some are disinterested in politics. Some abroad studies have shown that personality factors can influence individual's political participation. Therefore, this current study sought to determine whether the political participation of the youth in Selangor is influenced by personality factors. The objectives of this research were; (i) To identify the level of personality factors and the level of political participation among the youth in Selangor, (ii) To identify the relationship between personality factors and political participation among the youth in Selangor, (iii) To identify the most predicting personality factors in explaining political participation among the youth in Selangor. The data was collected using survey method using questionnaires. The selection of the respondents was based on the stratified sampling. The respondents of this research were 398 young men and women aged between 24-40 years. The study areas covered Gombak, Klang, Petaling and Hulu Langat district in Selangor and were chosen based on the high density of youth. The study used four personality factors derived from the Five Factors Model, i.e. the factors of conscientiousness, extraversion, agreeableness and emotional stability. There were 48 items used to measure personality factor while 16 items for political participation. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The results demonstrate that the level of personality factors of extraversion, agreeableness and emotional stability were moderate, while the level of personality factors of conscientiousness was high. Meanwhile, the level of formal and informal political participation among youth in Selangor was low. The study also found that there was no significant relationship between personality factors and formal political participation among youth in Selangor. For the informal political participation, the study also found that there was no significant relationship between emotional

stability personality factors and informal political participation. However, the study found that there was a significant relationship between conscientiousness, extraversion and agreeableness personality factors and informal political participation among the youth in Selangor. For overall political participation, the survey results showed that only conscientiousness personality factor has a significant relationship with overall political participation among youth in Selangor. The results for the third objective showed that the conscientiousness was the most dominant personality in describing the informal and overall youth political participation in Selangor. Therefore, this study was able to prove that personality factors can explain the political participation of youth in Selangor. Although youth in Selangor tend to engage in a broader political space, the level of youth's political participation was still low. Therefore, political parties and NGOs must give wider prioritize and opportunities of participation in political activities to youth in Selangor. With this, the youth's capacity and participation in the political activity could be increased and their bad perception about politics could be changed.

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah keizinan-Nya, dapat juga saya menyiapkan tesis ini. Kesempatan ini saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan tesis ini

Jutaan terima kasih ditujukan khususnya kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan Dr Zatul Himmah Adnan dan Prof Madya Dr Lee Yok Fee selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan tugas ini dengan baik dan berkualiti. Selain itu, sekalung penghargaan ditujukan kepada kedua ibu bapa tercinta iaitu Marjuni bin Sidek dan Juita binti Sururi kerana tidak putus memberikan sokongan dan dorongan sepanjang saya menyiapkan tugas ini

Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat seperjuangan yang banyak membantu memberikan semangat dan pertolongan dalam menjayakan tugas seperti yang dikehendaki. Terima kasih juga ditujukan kepada semua warga UPM yang telah membantu ada secara langsung atau tidak di dalam menjalankan kajian ini.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zatul Himmah Adnan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Lee Yok Fee, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pasca Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Alia Shuhada binti Marjuni (GS37517)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr Zatul Himmah binti Adnan

Tandatangan : _____
Nama Ahli Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr Lee Yok Fee

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.4.1	Objektif Am	5
1.4.2	Objektif Khusus	5
1.5	Hipotesis Kajian	6
1.6	Konsep Utama Kajian	7
1.6.1	Personaliti	7
1.6.2	Penyertaan Politik	8
1.6.3	Belia	8
1.7	Kerangka Kajian	9
1.8	Kerangka Teori	10
1.8.1	Teori Penyertaan Demokrasi	10
1.8.2	Amalan Penyertaan Demokrasi Dalam Konteks Di Malaysia	14
1.9	Kepentingan Kajian	14
1.10	Skop Kajian	15
1.11	Kesimpulan	16
2	SOROTAN LITERATUR	17
2.0	Pengenalan	17
2.1	Sistem Demokrasi Dan Penyertaan Politik	17
2.1.1	Faktor Yang Mempengaruhi Penyertaan Politik	18
2.2	Bentuk Penyertaan Politik	20
2.2.1	Perkembangan Bentuk Penyertaan Politik	21
2.2.2	Perkembangan Penyertaan Politik Di Malaysia	22
2.3	Kajian Tentang Belia Dan Politik	24
2.3.1	Sikap Belia Terhadap Politik	25
2.3.2	Perspektif Belia Terhadap Politik	26
2.3.3	Kematangan Belia Di Malaysia Dalam Politik	27
2.4	Personaliti Dan Penyertaan Politik	28

2.5	Model Lima Faktor	29
2.5.1	Kestabilan Emosi	29
2.5.2	Ekstrovert	30
2.5.3	Mudah Bersetuju	30
2.5.4	Sifat Berhati-Hati	31
2.6	Kajian Lain Yang Menggunakan Model Lima Faktor	31
2.7	Kesimpulan	35
3	METODOLOGI	36
3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Prosedur Kajian	38
3.4	Populasi Kajian Dan Saiz Sampel	38
3.5	Lokasi Kajian	38
3.6	Kaedah Persampelan	39
3.7	Instrumen Kajian	39
3.7.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden Dan Penyertaan Politik Dalam Kalangan Belia Di Selangor	39
3.7.2	Bahagian B: Faktor Personaliti Belia Di Selangor	40
3.7.3	Bahagian C: Penyertaan Politik Belia	41
3.8	Kajian Rintis	42
3.9	Kebolehpercayaan Instrumen	43
3.10	Analisa Daya	44
3.10.1	Normaliti	44
3.10.2	Analisis Deskriptif	45
3.10.3	Analisis Korelasi Pearson	45
3.10.4	Analisis Regresi Pelbagai	46
3.11	Kesimpulan	46
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	47
4.0	Pengenalan	47
4.1	Latar Belakang Demografi Responden	47
4.2	Kekerapan Penyertaan Politik Belia Di Selangor.	50
4.3	Penyertaan Politik Belia Di Selangor	52
4.4	Tahap Faktor Personaliti Dan Tahap Penyertaan Politik Belia Di Selangor	54
4.4.1	Tahap Bagi Faktor Personaliti Belia Di Selangor	55
4.4.2	Tahap Bagi Penyertaan Politik Belia Di Selangor	56
4.5	Hubungan Antara Faktor Personaliti Dan Penyertaan Politik Dalam Kalangan Belia Di Selangor	58
4.6	Faktor Personaliti Yang Paling Dominan Dalam Menerangkan Penyertaan Politik Dalam Kalangan Belia Di Selangor	66
4.7	Perbincangan	69

4.8	Kesimpulan	73
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan	74
5.3	Implikasi Kajian	78
	5.3.1 Implikasi Pada Praktis	78
	5.3.2 Implikasi Pada Teori	79
5.4	Cadangan	80
5.5	Penyelidikan Akan Datang	81
5.6	Kesimpulan	82
	RUJUKAN	84
	LAMPIRAN	97
	BIODATA PELAJAR	107
	SENARAI PENERBITAN	108

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.7.2.1	Peringkat Skala Likert	40
3.7.2.2	Pengukuran tahap faktor personaliti	41
3.7.3.1	Peringkat Skala Likert	41
3.7.3.2	Pengukuran tahap penyertaan politik	42
3.9	Hasil Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis	43
3.10	Analisis Statistik Kajian	44
3.10.1	Hasil Analisa Taburan Normaliti	44
3.10.2	Skala Pengukuran Nilai r oleh <i>Guilford Rule of Thumb</i>	45
4.1	Maklumat Demografi Responden	49
4.2.1	Penyertaan responden dalam pengundian pilihan raya	51
4.2.2	Penyertaan belia dalam aktiviti politik	52
4.3	Penyertaan politik belia di Selangor	54
4.4	Skala tahap faktor personaliti dan penyertaan politik	55
4.4.1	Tahap bagi Faktor Personaliti Belia di Selangor	56
4.4.2	Tahap bagi Penyertaan Politik Belia di Selangor	58
4.5	Skala Pengukuran Nilai r oleh <i>Guilford Rule of Thumb</i>	59
4.5.1	Hasil Analisis Korelasi Pearson berkenaan Hubungan Antara Faktor Personaliti dan Penyertaan Politik dalam kalangan Belia di Selangor	65
4.6.1	Faktor personaliti individu yang paling mempengaruhi penyertaan politik (tidak formal) dan penyertaan politik (keseluruhan) dalam kalangan belia di Selangor	67
4.6.2	Rumusan hasil pengujian hipotesis	68

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Konseptual	9
2	Kerangka Teori	13
3	Rumusan kajian- kajian lepas berkenaan FFM dan penyertaan politik	33
4	Prosedur Kajian	37

SENARAI SINGKATAN

AMCP	Akta Mesin Cetak dan Penerbitan
BERSIH	<i>The Coalition for Clean and Fair Elections</i> (Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil)
BN	Barisan Nasional
FFM	<i>Five Factor Model</i> (Model Lima Faktor)
HINDRAF	<i>Hindu Rights Action Force</i> (Pasukan Tindakan Hak Hindu)
ISA	<i>Internal Security Act</i> (Akta Keselamatan Dalam Negeri)
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i> (Persatuan Cina Malaysia)
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i> (Kongres India Malaysia)
NEO-FFI	<i>NEO Five Factor Inventory</i> (Inventori Lima Faktor NEO)
OSA	<i>Official Secrets Act</i> (Akta Rahsia Rasmi)
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
SOSMA	<i>Security Offences (Special Measures) Act</i> [Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas)]
TIPI	<i>Ten Item Personality Inventory</i> (Inventori Personaliti Sepuluh Item)
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i> (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan awal politik di Malaysia menunjukkan penyertaan politik masyarakat lebih tertumpu kepada aktiviti formal khasnya pilihan raya. Walaupun terdapat usaha membangkitkan penyertaan demokrasi oleh golongan NGO, namun usaha tersebut gagal disebabkan kerajaan melaksanakan Operasi Lalang (Loh, 2002; 2008). Namun begitu, Mujibu et al (2008) melihat gerakan reformasi pada 1998 sebagai titik tolak perubahan politik di Malaysia. Dalam hal ini belia dilihat sebagai aktor yang memainkan peranan dalam perubahan politik di Malaysia. Belia bangkit mempromosikan penyertaan demokrasi di Malaysia serta menuntut semula ruang awam melalui perhimpunan demonstrasi (Noor Sulastry Yurni & Abdul Qayyum, 2017). Malah, pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13, belia dikatakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah pengundi tersebut (Joko et al, 2016; Nga et al, 2014; Mohd Hariszuan, 2014). Kemampuan belia untuk mempengaruhi politik di Malaysia telah membuka mata ramai pihak untuk memberikan lebih perhatian kepada mereka.

Di Malaysia, penyertaan dalam pilihan raya masih lagi penting bagi rakyat memandangkan rakyat mempunyai ruang yang terhad bagi menyatakan pendirian dalam aktiviti lain. Perkara ini boleh terbukti apabila pilihan raya terbaru iaitu PRU-13 menunjukkan kadar keluar mengundi yang tertinggi dalam sejarah pilihan raya iaitu 84.8 peratus atau 13,268,002 orang (Junaidi et al, 2015). Daripada jumlah tersebut, 44 peratus pengundi adalah dalam kalangan belia (Mohd Hafiz et al, 2015). Ini menunjukkan belia di Malaysia masih lagi percaya kepada pengundian dalam pilihan raya.

Namun begitu, timbulnya pandangan negatif berkenaan penyertaan politik belia yang sekali gus dilihat memberi kesan kepada proses demokrasi di Malaysia. Belia di Malaysia dilihat tidak aktif politik (The Commonwealth, 2013) dan tidak berminat dalam politik (Ismail Sualman et al, 2013). Belia juga dilihat cenderung bersifat atas pagar tanpa terikat dengan mana parti (Utusan Online, 2010; myIlham¹, 2015). Situasi ini dilihat memberi kesukaran kepada parti politik bagi merencana perkembangan politik dan pembangunan negara. Dalam hal ini, Ismail Sualman et al (2013) menyatakan situasi ini disebabkan oleh belia ini masih lagi tidak nampak faedah daripada penyertaan politik mereka. Malah belia merasa peranan mereka tidak dihargai serta parti politik masih gagal menyelesaikan isu berkaitan belia (Saifuddin Abdullah, 2010). Malah, pertelagahan antara parti politik memburukkan lagi keadaan (myIlham, 2015). Kesannya boleh dilihat apabila masih ramai belia yang tidak mendaftar untuk mengundi dalam pilihan raya menjelang PRU-14 (Idris Musa,

¹ myIlham merupakan penulis dalam Ilham Center iaitu sebuah pertubuhan yang merencana program pembangunan modal insan, menjalankan penyelidikan dari sudut ekonomi, politik dan sosial serta terlibat dalam pelbagai lapangan masyarakat.

2017). Malah, kempen dan gerak gempur yang dilaksanakan bagi menggalakkan belia mendaftar mengundi mendapat sambutan yang hambar. Situasi ini amat membimbangkan memandangkan penyertaan politik mempengaruhi proses demokrasi di Malaysia.

Oleh itu, usaha yang jitu daripada pelbagai pihak seperti kerajaan dan NGO diperlukan bagi mengatasi masalah belia ini. Walau bagaimanapun, sebahagian usaha daripada pihak kerajaan dan NGO dikatakan masih tidak berjaya memperbaiki usaha untuk mengatasi masalah penyertaan politik belia. Sekatan melalui undang-undang dilihat antara punca masalah penyertaan politik belia ini sukar diatasi. Walaupun AUKU sudah dipinda bagi menggalakkan penyertaan politik belia yang lebih aktif, namun terdapat keadaan tertentu yang menghalang belia aktif dalam politik. Sebagai contoh, perlantikan Naib Canselor dilihat menyekat pelajar untuk menyertai aktiviti berkaitan politik (Norshahzura Mat Zuki & Ridauddin Daud, 2013). Hal ini menyebabkan belia mengambil pendekatan melibatkan diri dalam aktiviti tidak formal yang lain (myllham, 2015). Perkara ini mungkin disebabkan penyertaan politik tidak formal adalah lebih luas dan lebih bebas tanpa terikat dengan mana-mana parti bagi menyuarakan pandangan politik mereka. Perkara ini juga mengesahkan bahawa belia bukan tidak berminat dalam politik. Belia mempunyai perspektif politik yang luas iaitu politik formal dan tidak formal dan bukannya terhad dalam pilihan raya sahaja (Henn & Foard, 2014). Oleh itu, timbul persoalan sejauh mana tahap penyertaan politik belia formal dan tidak formal belia.

Sarjana telah mengenal pasti bahawa pemboleh ubah personaliti boleh digunakan bagi memahami dan mendalami kecenderungan penyertaan politik masyarakat (Hibbing et al, 2011). Malah, beliau turut membincangkan perbezaan personaliti pada setiap individu memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku individu. Ini bermaksud setiap individu boleh mempunyai tingkah laku yang berbeza berdasarkan personaliti masing-masing. Selain itu, walaupun terdapat banyak bukti jelas daripada kajian terdahulu menunjukkan faktor umur, pendidikan, sosialisasi politik dan media yang mempengaruhi penyertaan politik masyarakat (Janda et al, 2012; Quintellier, 2007; Ismi Arif et al 2015; Dalton, 2011), namun kajian terkini melihat aspek personaliti bagi memahami kecenderungan politik masyarakat (Mondak et, 2011; Ha et al, 2013). Ini boleh dilihat apabila kajian terkini menggunakan Model Lima Faktor yang terdiri daripada faktor personaliti keterbukaan pada pengalaman, sikap mudah bersetuju, kestabilan emosi, ekstrovert dan sifat berhati-hati digunakan bagi memahami tingkah laku politik masyarakat (Schoen & Schuman, 2007). Maka dalam kajian ini, faktor personaliti akan digunakan bagi memahami penyertaan politik belia di Selangor.

Sikap belia harus difahami dengan teliti bagi memastikan belia tidak dilihat secara negatif berkenaan penyertaan politik. Belia merupakan antara aktor penting yang dapat mencorak pembangunan negara. Tambahan pula, belia merupakan bakal pemimpin yang mempunyai peranan serta kepentingannya tersendiri dalam usaha untuk membangunkan masyarakat dan negara. Oleh itu, corak dan sikap dapat

membantu negara mengenal pasti hala tuju politik belia sekali gus membantu negara merancang pembangunan yang lebih berkesan.

1.2 Pernyataan Masalah

PRU ke-13 menunjukkan kadar keluar mengundi yang tertinggi dalam sejarah pilihan raya iaitu 84 peratus atau 13,268,002 orang (Junaidi et al, 2015). Daripada jumlah tersebut, peratus tertinggi adalah dalam kalangan belia (Mohd Hafiz et al, 2015). Hal ini menunjukkan belia di Malaysia masih meletakkan kepercayaan pada pengundian dalam pilihan raya. Walau bagaimanapun, masih terdapat pandangan yang negatif berkenaan penyertaan politik belia di Malaysia. Ada pendapat yang menyatakan belia tidak aktif dalam politik seperti menghadiri ceramah (Wasitah Mohd Yusof et al, 2015) dan juga dikatakan tidak berminat untuk terlibat dalam politik seperti melibatkan diri dalam parti politik (Hilal Azmi, 2015). Belia cenderung bertindak berdasarkan dasar rasional tanpa terikat dengan parti politik. Dalam masa yang sama, belia juga cenderung bersikap atas pagar dalam pengundian tanpa terikat dengan mana-mana parti politik (Utusan Online, 2010; Zainal Rashid, 2013). Pandangan sebegini seolah-olah memberi gambaran bahawa belia kurang berminat untuk terlibat dalam aktiviti formal politik.

Namun begitu, terdapat juga kajian yang menyatakan belia sebenarnya masih aktif dan berminat dalam politik (Utusan Online, 2016). Malah, Syed Arabi menyatakan minat belia terhadap politik sebenarnya semakin meningkat (Sinar Harian, 2012). Terdapat kajian juga menunjukkan berlaku perkembangan dari segi kecenderungan belia di Malaysia untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti politik secara tidak formal berbanding dengan formal (Nga et al, 2014). Belia dikatakan merasa rimas dengan politik formal sehingga menyebabkan mereka mula menjauhkan diri daripada medium politik tersebut. Perkara ini boleh dilihat apabila belia mula bergerak secara aktif dengan menerbitkan karya yang bersifat bebas dan berdebat berkenaan masa depan negara secara bebas tanpa bergantung kepada arus tradisional (Zainal Rashid, 2013). Dalam hal ini wujud ketidakseragaman pendapat berkenaan corak penyertaan politik belia ini. Ketidakseragaman ini menimbulkan persoalan apakah tahap penyertaan belia di Malaysia sebenarnya?

Di Selangor, terdapat beberapa pendapat yang menunjukkan bahawa penyertaan politik belia di Selangor adalah tidak seragam. Penelitian terhadap corak penyertaan belia di Selangor dianggap penting kerana Selangor adalah antara negeri paling maju dan mempunyai kepadatan belia paling tinggi berbanding negeri lain (Aplikasi Pemetaan Belia Malaysia, 2014). Ada pendapat yang menyatakan tahap penyertaan politik belia di Selangor adalah rendah (Abdul Hadi Samsi, 2013). Selain itu, belia di Selangor juga dikatakan tidak berminat untuk menghadiri aktiviti formal seperti menghadiri dialog atau forum politik, menghadiri kursus anjuran parti politik dan berkempen (Mazli Mamat, 2015). Dari segi isu yang menjadi tumpuan, belia di Selangor didapati lebih berminat dengan isu sosial dan ekonomi seperti kos sara

hidup dan pengangguran berbanding isu politik. Malahan mereka juga dilihat cenderung bersikap atas pagar tanpa terikat dengan mana-mana parti politik sebelum pilihan raya (Melati A. Jalil, 2017). Ini seolah-olah menunjukkan wujudnya ketidakseragaman penyertaan politik belia di Selangor.

Dalam perkembangan yang lain pula, bentuk penyertaan politik belia di Selangor dilihat lebih terarah kepada aktiviti tidak formal seperti membincangkan isu politik bersama-sama rakan dan mendapatkan isu semasa di laman sosial (Mazli Mamat, 2015). Namun begitu, kadar keluar mengundi di Selangor dalam PRU-13 adalah tinggi iaitu 87.4% (Junaidi et al, 2015). Ini menunjukkan wujudnya isu ketidakseragaman pendapat berkenaan penyertaan politik di Selangor. Oleh itu timbulnya tanda tanya sama ada wujudnya pengaruh tertentu dalam menentukan kecenderungan penyertaan belia dalam politik?

Faktor personaliti dilihat dapat membantu memahami kecenderungan politik belia. Beberapa kajian di luar negara seperti kajian di Amerika, Finland, Korea dan Venezuela telah membuktikan faktor personaliti melalui Model Lima Faktor dapat mempengaruhi penyertaan politik (Mondak & Halperin, 2008; Vecchione & Caprara, 2009; Mattilla et al, 2011 ; Ha et al, 2013). Antaranya kajian membuktikan wujudnya hubungan yang positif antara personaliti sifat berhati-hati dengan menghadiri perjumpaan berkaitan politik (Mondak & Halperin, 2008).

Di Malaysia, banyak kajian sedia ada menggunakan Model Lima Faktor bagi mengukur sifat personaliti. Sebagai contoh, kajian Fazilah Idris (2008) telah melihat faktor personaliti dalam toleransi antara etnik, kajian Nur Safwati Ibrahim et. al (2014) mengkaji kesan faktor personaliti dalam pencapaian akademik, kajian Khairul Anwar Mastor et al (2000) melihat faktor personaliti dalam budaya orang Melayu dan kajian Noordin Yahaya et. al (2011) yang melihat jenis personaliti kepimpinan dan kuasa dalam kalangan pengurus. Perkara ini menunjukkan di Malaysia Model Lima Faktor turut digunakan secara meluas dalam kajian pelbagai bidang. Namun apabila personaliti itu dilihat dari sudut penglibatan politik, kajian tersebut agak terhad dan kurang diberi perhatian di Malaysia.

Berdasarkan kenyataan tersebut, oleh itu kajian ini dijalankan atas beberapa isu. Pertama, wujudnya ketidakseragaman pendapat berkenaan corak penyertaan politik belia di Selangor dan di luar negara. Kedua, kajian personaliti dan penyertaan politik agak terhad dan kurang diberi perhatian di Malaysia. Malah, kajian sedia ada di Malaysia lebih memfokuskan berkenaan personaliti calon (Junaidi et al, 2012). Malah, kajian tersebut tidak menggunakan Model Lima Faktor dalam kajian. Ketiga, kajian terdahulu menunjukkan wujudnya percanggahan hasil kajian daripada beberapa negara lain. Perbezaan latar belakang menyebabkan setiap negara mempunyai dapatan yang berbeza walaupun menggunakan faktor personaliti yang sama (McCrae, 2002; McCrae & Costa 1997). Perkara ini menunjukkan

kemungkinan terdapatnya persamaan dan perbezaan dapatan negara lain dan kajian di Selangor.

Oleh itu, kajian ini akan menumpukan aspek personaliti dan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor. Memandangkan di Malaysia masih kurang penekanan terhadap perbincangan politik formal dan tidak formal khususnya di Malaysia, maka kajian ini ingin melihat kecenderungan penyertaan politik formal dan tidak formal dalam kalangan belia di Selangor dengan menggunakan Model Lima Faktor. Dalam hal ini, adakah wujud pengaruh personaliti terhadap kecenderungan ke atas aktiviti formal dan tidak formal belia di Selangor. Oleh itu, wujud keperluan untuk meneliti pengaruh personaliti terhadap penyertaan politik belia di Selangor.

1.3 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap faktor personaliti dan tahap penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor?
2. Sejauh manakah wujud hubungan antara faktor personaliti dan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor?
3. Apakah faktor personaliti yang paling dominan dalam menerangkan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor?

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Am

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor personaliti dan penyertaan politik belia di Selangor.

1.4.2 Objektif Khusus

1. Mengenal pasti tahap faktor personaliti dan tahap penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor
2. Mengenal pasti hubungan antara personaliti individu dan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor
3. Mengenal pasti faktor personaliti yang paling dominan dalam menerangkan penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor

1.5 Hipotesis Kajian

Dalam bahagian ini, terdapat 13 hipotesis yang digunakan dalam kajian ini. Hipotesis 1 hingga 12 mewakili objektif kedua manakala objektif 13 pula bagi mewakili objektif ketiga. Berikut merupakan hipotesis kajian ini;

1. Hipotesis nul bagi objektif ke-2 adalah seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti kestabilan emosi dan penyertaan politik formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho2: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti ekstrovert dan penyertaan politik formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho3: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti mudah bersetuju dan penyertaan politik formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho4: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti sifat berhati-hati dan penyertaan politik formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho5: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti kestabilan emosi dan penyertaan politik tidak formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho6: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti ekstrovert dan penyertaan politik tidak formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho7: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti mudah bersetuju dan penyertaan politik tidak formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho8: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti sifat berhati-hati dan penyertaan politik tidak formal dalam kalangan belia di Selangor

Ho9: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti kestabilan emosi dan penyertaan politik (keseluruhan) dalam kalangan belia di Selangor

Ho10: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti ekstrovert dan penyertaan politik (keseluruhan) dalam kalangan belia di Selangor

Ho11: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti mudah bersetuju dan penyertaan politik (keseluruhan) dalam kalangan belia di Selangor

Ho12: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara personaliti sifat berhati-hati dan penyertaan politik (keseluruhan) dalam kalangan belia di Selangor

2. Hipotesis nul bagi objektif ke-3 adalah seperti berikut:

Ho13: Tidak terdapat faktor (personaliti sifat berhati-hati, ekstrovert, mudah bersetuju dan kestabilan emosi terhadap penyertaan politik belia) yang dominan dalam mempengaruhi penyertaan politik dalam kalangan belia di Selangor

1.6 Konsep Utama Kajian

Dalam kajian ini terdapat tiga konsep utama iaitu personaliti, penyertaan politik dan belia. Oleh itu, dalam bahagian ini konsep utama kajian akan dijelaskan dalam dua bentuk definisi iaitu definisi konseptual dan definisi operasional. Definisi konseptual akan menjelaskan maksud konsep yang dikaji dalam kajian ini manakala definisi operasional akan menjelaskan cara konsep kajian atau pemboleh ubah diukur dalam kajian ini.

1.6.1 Personaliti

Konsep personaliti menurut Badie et al (2011) merupakan set keperibadian yang mempengaruhi tindakan individu dalam membuat keputusan berdasarkan situasi tertentu. Personaliti juga merupakan corak pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang yang berterusan (Nadelson, 2000). Gallego dan Oberski (2011) pula melihat personaliti sebagai perbezaan yang terdapat pada individu yang akan mempengaruhi tingkah laku individu tersebut.

Secara operasional, kajian ini mengukur faktor personaliti berdasarkan Model Lima Faktor iaitu berfikir terbuka terhadap pengalaman, sifat berhati-hati, ekstrovert, mudah bersetuju dan kestabilan emosi. Personaliti keterbukaan pada pengalaman merujuk kepada perasaan sikap ingin tahu serta bersedia menerima idea baru (Ha et al, 2013). Personaliti yang berhati-hati akan sentiasa tersusun, rajin, bercita-cita tinggi serta pintar (Schoen & Schuman, 2007; John & Srivasta, 1999). Personaliti ekstrovert pula merujuk kepada individu yang bersifat tegas, pandai bergaul dan sentiasa percaya pada diri (Ha et al, 2013). Selain itu, personaliti mudah bersetuju merujuk kepada individu yang mempunyai sifat amanah, patuh, merendah diri, pemurah, lembut hati dan bersimpati (Schoen & Schuman, 2007). Personaliti kestabilan emosi pula dikaitkan dengan sifat tidak mudah bimbang, murung atau emosi negatif yang lain (Ha et al, 2013). Faktor personaliti responden diukur dengan menggunakan Skala Likert iaitu (1) sangat tidak setuju (2) tidak setuju (3) tidak pasti (4) setuju dan (5) sangat setuju. Cara pengukuran personaliti selanjutnya boleh dilihat dalam bab 3 iaitu instrumen kajian.

1.6.2 Penyertaan politik

Konsep penyertaan politik menurut Badie et al (2011) dan Lamprianou (2013) merujuk kepada aktiviti yang berniat mempengaruhi tindakan atau proses membuat keputusan kerajaan yang boleh memberi kesan kepada kehidupan masyarakat. Sarjana politik melihat penyertaan politik dalam pelbagai konsep seperti aktif dan pasif (Ekman & Amna, 2012), atas talian dan dalam talian (Vissers & Stolle, 2014) dan formal dan tidak formal (Henn & Foard, 2012). Oleh itu, secara konseptual, penyertaan politik formal merujuk kepada aktiviti politik yang berada di bawah undang-undang ataupun institusi dan aktiviti formal ini lebih berstruktur seperti mengundi dalam pilihan raya dan berkempen (Fukui, 2000; Lamprianou, 2013). Penyertaan politik tidak formal pula bermaksud penyertaan politik yang berada di bawah peraturan sendiri dan tidak tertakluk di bawah kuasa undang-undang atau institusi seperti berbincang isu politik dalam laman sosial (Fukui, 2000). Namun, aktiviti ini bukan menyalahi undang-undang ataupun bersifat haram.

Secara operasional, penyertaan politik dalam kajian ini merujuk kepada penyertaan politik belia secara formal dan tidak formal. Penyertaan politik formal adalah seperti aktiviti mengundi dalam pilihan raya, menganggotai parti politik dan berkempen dalam pilihan raya manakala penyertaan politik tidak formal boleh dilihat melalui aktiviti seperti berbincang politik bersama keluarga, menyertai perhimpunan politik dan mengikuti perkembangan parti politik di laman sosial. Tahap penyertaan politik responden diukur dengan menggunakan Skala Likert iaitu (1) Tidak Pernah (2) Jarang-jarang (3) Kadang-kadang (4) Kerap dan (5) Sangat Kerap. Cara pengukuran penyertaan politik juga boleh dilihat dalam bab 3 iaitu bahagian instrumen kajian.

1.6.3 Belia


Dasar Pembangunan Belia Negara (1997) mentakrifkan konsep belia sebagai mereka yang berumur 15-40 tahun. Namun begitu dari strategi perlaksanaan program dan orientasi aktiviti memberi tumpuan mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula menetapkan umur bagi belia ialah antara 15 hingga 24 tahun (Mohd Fuad & Junaidi, 2012). Dasar Belia Malaysia pula telah menetapkan had umur belia yang baru iaitu dari 15 hingga 30 tahun yang akan dilaksanakan bermula tahun 2018 (Nor Asiah, Zulkifli, 2015).

Secara operasional, kajian ini menumpukan belia yang berumur 24 hingga 40 tahun kerana belia dalam lingkungan usia ini adalah belia yang telah layak mengundi sekurang-kurangnya pada pilihan raya yang lepas.

1.7 Kerangka Kajian

Kerangka konseptual menerangkan konsep utama kajian ini. Seperti yang dibincangkan dalam konsep utama kajian, terdapat tiga konsep yang digunakan dalam kajian ini dan konsep ini juga merupakan pemboleh ubah utama dalam kajian. Kerangka ini mengandungi dua pemboleh ubah iaitu: a) Pemboleh ubah bebas, dan b) Pemboleh ubah bersandar

Kajian ini ingin melihat sejauh mana faktor personaliti dapat menentukan tingkah laku individu. Oleh itu pemboleh ubah bebas dalam kajian ini adalah faktor personaliti. Model Lima Faktor pula digunakan bagi mengukur faktor personaliti dalam kajian ini. Model Lima Faktor ini mempunyai lima personaliti, iaitu berfikiran terbuka terhadap pengalaman, sifat berhati-hati, ekstrovert, mudah bersetuju dan kestabilan emosi. Namun begitu, personaliti berfikiran terbuka terhadap pengalaman tidak digunakan dalam kajian ini memandangkan personaliti ini mendapat *alpha* yang rendah semasa kajian rintis. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah penyertaan politik yang diukur bagi menerangkan tingkah laku politik belia dalam kajian ini. Kajian ini juga hanya mengukur penyertaan politik belia yang berumur 24-40 tahun. Selain itu, ciri-ciri belia seperti jantina, agama, etnik, pekerjaan dan tahap pendidikan turut diambil dalam kajian ini. Rajah 1 merupakan kerangka konseptual yang dibentuk sebagai panduan sewaktu menjalankan kajian bagi mencapai objektif kajian yang telah ditentukan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

1.8 Kerangka Teori

Teori berperanan untuk menjelaskan kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini, Teori Penyertaan Demokrasi adalah teori yang dianggap sesuai untuk menerangkan pemboleh ubah yang diguna dalam kajian ini. Hal ini kerana penyertaan politik merupakan salah satu aspek penting dalam pengukuran demokrasi (Dahl 1971; Buhlman et al, 2008; Wolfe, 2009). Ini menjadikan kepentingan “penyertaan politik” perlu difahami dalam kerangka teori demokrasi.

1.8.1 Teori Penyertaan Demokrasi

Umumnya, demokrasi sering dilihat sebagai sistem politik yang mementingkan prinsip kesaksamaan, kebebasan dan kawalan (Buhlmann et al, 2008). Kesaksamaan sangat penting dalam sebuah negara demokratik supaya setiap rakyat mempunyai hak dan peluang yang sama untuk terlibat dalam politik. Kebebasan pula dapat memastikan setiap rakyat mempunyai kebebasan untuk berpolitik, mendapatkan maklumat politik dan bersuara manakala prinsip kawalan diperlukan dalam demokrasi supaya dapat mengawal perwakilan dalam kerajaan dan memastikan prinsip kesaksamaan dan kebebasan tercapai. Namun begitu, demokrasi yang baik wujud apabila adanya keseimbangan antara ketiga-tiga prinsip demokrasi tersebut. Oleh itu, bagi memastikan prinsip demokrasi dapat dilaksanakan, kebanyakan sarjana melihat sesebuah kerajaan itu harus mengutamakan suara rakyat, agihan peluang yang sama, melibatkan penyertaan rakyat secara langsung atau tidak langsung, sistem yang mengutamakan kesaksamaan peluang dalam kalangan rakyat, pemimpin dilantik daripada rakyat, rakyat mempunyai pilihan untuk memilih pemimpin dan sistem yang tiada diskriminasi (Das 1996; Verba dan Nie, 1972; Saunders, 1962; Barber, 1984; Dahl, 1998; Loh Kok Wah, 2003; Buhlmann, 2008). Kemampuan untuk melaksanakan prinsip demokrasi ini dapat memastikan sebuah negara yang demokratik boleh dicapai.

Penyertaan politik dalam sistem demokrasi merangkumi penyertaan rakyat secara langsung seperti pengundian dalam pilihan raya dan penyertaan tidak langsung iaitu aktiviti yang tidak melibatkan pilihan raya. Dalam konteks penyertaan politik ini, beberapa sarjana seperti Jean-Jacques Rousseau (1973), Cole dan Mill yang dipetik dalam penulisan Pateman (1970) amat menekankan aspek penyertaan iaitu setiap warga negara harus mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan politik supaya dapat menjamin kepentingan peribadi rakyat dan menjamin pemerintahan yang baik. Ini menunjukkan penyertaan politik sangat penting dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Dalam hal ini Pateman (1970) adalah antara pengkaji demokrasi moden yang sering dikaitkan dengan pengasasan Teori Penyertaan Demokrasi. Beliau membincangkan

beberapa andaian penting yang terdapat dalam Teori Penyertaan Demokrasi. Antaranya beliau menekankan idea perlunya hak dan ruang penyertaan politik yang maksimum dalam kalangan masyarakat supaya masyarakat boleh terlibat dalam proses membuat keputusan dalam politik. Selain itu, Teori Penyertaan Demokrasi ini turut membincangkan bahawa individu dan institusi tidak boleh bergerak berasingan di samping teori ini berfungsi mendidik masyarakat supaya mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam politik. Maka, Pateman melihat perlunya latihan sosial daripada pelbagai tahap sosialisasi bagi memastikan individu dapat membangunkan nilai dan pengetahuan dalam ruang demokrasi. Namun, Schumpeter (2003) menentang idea penyertaan demokrasi ini memandangkan beliau lebih cenderung dengan konsep perwakilan dan mempunyai pendirian terhadap urusan tadbir negara. Bagi beliau, demokrasi hanyalah kaedah yang berfungsi untuk melantik pemimpin dan pemimpin akan menggunakan kuasa mereka tanpa dikawal oleh pengundi. Walau bagaimanapun, Pateman (1970) dan Buhlman et al (2008) melihat peranan perwakilan sahaja tidak mencukupi. Prinsip demokrasi iaitu kawalan dapat mengawal tindak tanduk perwakilan daripada menggunakan kuasa tanpa batasan sekali gus dapat mengoptimumkan demokrasi sesebuah negara.

